



Advanced International Journal of Banking,
Accounting and Finance (AIJBAF)

Journal Website: <http://aijbaf.com/>
eISSN: 2682-8537



LITERASI KEWANGAN PEKERJA SEKTOR AWAM: ISU DAN CABARAN

FINANCIAL LITERATIONS OF PUBLIC SECTOR EMPLOYMENT: ISSUES AND CHALLENGES

Ishak Abd Rahman¹, Mas Ayu Rusli², Abdullah Sanusi Othman³, Azmi bin Aziz⁴

¹ Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: haq@ukm.edu.my

² Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

³ Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: asza @ukm.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Email: abaz@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 14.11.2019

Revised date: 14.01.2020

Accepted date: 10.05.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Abd Rahman, I., Rusli, M. A., Othman, A. S., & Aziz, A. (2020). Literasi Kewangan Pekerja Sektor Awam: Isu dan Cabaran. *Advanced International Journal of Banking, Accounting, and Finance*, 2 (3), 13-25.

DOI: 10.35631/AIJBAF.23002.

Abstrak:

Amalan pembuatan keputusan kewangan yang bijak yang berasaskan kepada tahap pengetahuan dan literasi kewangan oleh seseorang individu akan meningkatkan keupayaan dalam mengurus amalan pengurusan kewangan dengan berhemat. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menyelidiki tahap literasi kewangan di kalangan pekerja sektor awam dari Lembah Kelang termasuk di Putrajaya. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan tahap literasi kewangan berdasarkan jantina dan status perkahwinan serta mengenalpasti hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan tahap pencapaian akademik. Data-data kajian yang dikumpul dianalisa secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan mean dengan menggunakan perisian "Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 25. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah $\alpha = 0.878$. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan tahap literasi kewangan di kalangan pekerja sektor awam berada pada tahap pengetahuan yang tinggi. Pekerja sektor awam juga sedar akan kepentingan pengurusan kewangan yang lebih mahir dan teratur. Mereka juga mampu untuk mengawal aliran perbelanjaan kewangan dengan bantuan aktiviti sokongan seperti kerja lebih masa, kerja sampingan

seperti perniagaan. Selain, itu mereka juga diberi pendedahan dalam pengurusan kewangan peribadi yang mana ia akan membantu ntuk meningkatkan tahap celik kewangan. Walaupun begitu, tingkah laku dan keupayaan serta sikap kewangan para responden masih berada pada tahap sederhana kerana kadangkala agak sukar bagi individu untuk mengawal perbelanjaan bila tiada alternatif sokongan pendapatan untuk menampung perbelanjaan harian.

Kata Kunci:

Literasi Kewangan, Pengurusan kewangan, Perbelanjaan

Abstract:

Smart financial decision-making practices based on the level of knowledge and literacy of an individual will enhance the ability to manage financial management practices wisely. The purpose of this study is to investigate the level of financial literacy among public sector workers from Klang Valley including Putrajaya. In addition, the study aimed to identify differences in the level of financial literacy based on gender and marital status and to identify the relationship between financial literacy level and academic achievement. The data collected were analyzed descriptively to obtain frequency, percentage and mean using software Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 25. The reliability of the questionnaire was $\alpha = 0.878$. The findings of the study show that the level of financial literacy among public sector workers is at a high level of knowledge. Public sector employees are also aware of the importance of more efficient and organized financial management. They are also able to control the flow of financial expenditures with the help of support activities such as overtime, ancillary work such as business. In addition, they are also exposed to personal financial management which will help to improve financial literacy. However, the attitude and ability and financial attitude of the respondents remain at a moderate level as it is sometimes difficult for individuals to control their spending when there is no alternative to supporting income to cover their daily expenses.

Keywords:

Financial Literacy, Financial Management, Spending

Pengenalan

Pengetahuan mengenai pengurusan kewangan adalah sangat penting kerana hampir setiap urusan yang dilakukan membabitkan pengurusan kewangan. Menurut Hussin dan Nik Nurul Amni (2012), wang adalah satu aset yang memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian kita terutama dalam keadaan ekonomi sekarang yang tidak menentu. Oleh itu, ia perlu diuruskan dengan baik untuk peningkatan kualiti hidup. Perancangan dan pengurusan kewangan yang dibuat secara sistematik mampu memberikan kedudukan kewangan yang stabil malah mungkin ada lebih untuk simpanan. Pengurusan wang setiap individu adalah berbeza mengikut kesesuaian masing-masing. Namun begitu, konsep literasi kewangan adalah sama. Oleh itu, ia tidak boleh dipandang ringan kerana cabaran hidup masa depan semakin sukar (Zulnaidi Yaacob, 2010). Krisis kewangan akan berlaku sekiranya pekerja gagal untuk merancang kewangan dengan bijak. Tambahan pula, kemudahan kewangan yang ditawarkan pada masa kini sangat banyak seperti kemudahan pinjaman serta pelaburan yang memerlukan pekerja disektor awam mempunyai pengetahuan berkaitan kewangan agar kesejahteraan hidup lebih terjamin. Selain itu, literasi kewangan atau celik kewangan penting untuk menghindarkan

pekerja sektor awam menanggung bebanan hutang yang melampau. Sebagaimana yang terkandung dalam Akta 605 peraturan 11, subperaturan 2 berkaitan peraturan meminjam wang. Oleh yang demikian, penjawat awam adalah dinasihatkan untuk mengelak dari berbelanja melebihi kemampuan agar tidak dibebani hutang yang boleh membuatkan keharmonian hidup terjejas disebabkan bebanan hutang.

Penyataan Masalah

Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 15 November melaporkan bahawa seramai 64,633 individu diisytiharkan muflis. Laporan tersebut adalah merupakan kajiselidik kelakuan kewangan dalam kalangan pekerja yang dikeluarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Permasalahannya, adakah mungkin ada di antara individu tersebut dari kalangan pekerja sektor awam. Menurut kajian tersebut, individu berusia di antara 18 sehingga 44 tahun telah diisytiharkan muflis sejak lima tahun lalu lantaran tidak berupaya membayar semula pinjaman pembiayaan. Malah, telah dilaporkan sehingga September 2018, seramai 13,338 individu telah tergolong sebagai muflis disebabkan gagal membayar semula pinjaman peribadi, perumahan dan perniagaan. Menurut laporan kajiselidik tersebut, statistik individu berusia lingkungan antara 35 hingga 44 tahun paling ramai terlibat dalam kebangkrupan/muflis iaitu sebanyak 34.4% daripada jumlah keseluruhan. Manakala yang kedua paling tinggi adalah mereka yang berumur 45 hingga 54 tahun iaitu sebanyak 26.37%. Ini menggambarkan bahawa sebanyak 60.77% mewakili usia antara 35 hingga 54 tahun yang terlibat dalam kebangkrupan. Kajian oleh Rubayah Yaakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis (2015) menyatakan bahawa faktor literasi kewangan dikenalpasti sebagai peningkatan kemungkiran bayaran pinjaman terhadap hutang peribadi. Sebagaimana dapatan daripada AKPK menyatakan bahawa faktor peningkatan jumlah hutang isi rumah ialah kurangnya pengetahuan dalam pengurusan kewangan peribadi. Oleh yang demikian, berdasarkan pernyataan masalah berhubung isu tersebut, maka kajiselidik ini dilakukan untuk memperolehi maklumat mengenai literasi kewangan di kalangan pekerja sektor awam.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Mengenalpasti tahap literasi kewangan di kalangan pekerja sektor awam.
- ii) Mengenalpasti perbezaan tahap literasi kewangan berdasarkan jantina dan status perkahwinan.
- iii) Mengenalpasti hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan tahap pencapaian akademik.

Kajian Literatur


Literasi kewangan boleh didefinisikan sebagai kebolehan untuk menguruskan sesuatu yang berkaitan dengan wang. Menurut Garman & Gappinger (2008) dalam Yasmin Huzaimah & Anuar Ahmad et al (2017) literasi kewangan ditakrifkan sebagai pengetahuan, prinsip, konsep dan alat-alat teknologi asas yang membolehkan seseorang itu menjadi bijak berkenaan kewangan. Selain itu, literasi kewangan juga ditakrifkan sebagai satu sains dan seni dalam mengendalikan wang dan perlu dimiliki oleh individu atau organisasi (Huriyatul & Yogi (2016)). Huriyatul & Yogi (2016) juga berpandangan bahawa literasi kewangan merupakan antara salah satu daripada sepuluh kecerdasan yang harus dimiliki. Vitt, Kent, Lyter, Siegenthaler & Ward (2000), menjelaskan bahawa literasi kewangan merujuk kepada kebolehan dalam memahami situasi kewangan.

OECD (2005) memberikan definisi yang terperinci mengenai literasi kewangan iaitu proses yang mana para konsumen atau pelabur meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mereka terhadap produk dan konsep kewangan dan melalui maklumat, arahan, nasihat dan objektif dan membentuk skil dan tahap konfiden untuk lebih sedar mengenai risiko kewangan dan peluang untuk membuat pilihan dalam membuat keputusan dan tindakan yang efektif dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan. Selain daripada definisi yang dinyatakan, terdapat juga beberapa definisi yang telah diputuskan oleh para pengkaji lain yang pada umumnya berkisar kepada memperoleh pengetahuan terhadap produk kewangan dan menggunakan maklumat tersebut untuk membuat keputusan kewangan. Berdasarkan Hung, Parker & Yoong (2009) pula telah membuat kesimpulan bahawa literasi kewangan ialah satu bentuk pengetahuan, kebolehan atau kemahiran untuk mengaplikasikan pengetahuan, tanggapan pengetahuan, tingkahlaku kewangan yang baik dan pengalaman kewangan seseorang individu itu sendiri termasuklah pekerja sektor awam. Sementara itu, sektor awam pula didefinisikan sebagai keseluruhan proses organisasi dan individu yang melaksanakan undang-undang dan perintah yang diisukan oleh badan perundangan, eksekutif dan kehakiman. Perkhidmatan awam di Malaysia mempunyai kedudukan yang penting kerana ia menyediakan perkhidmatan dan kepakaran. Ia juga adalah elemen yang kekal dan tetap walaupun bertukar parti politik yang membentuk kerajaan. Dalam perlembagaan Malaysia, peruntukan mengenai perkhidmatan awam dijelaskan di bawah Fasa 1, Perkara 132. Bagi maksud perlembagaan tersebut, perkhidmatan awam ialah terdiri daripada angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, perkhidmatan am Persekutuan, pasukan polis, perkhidmatan kereta api, perkhidmatan awam Bersama, perkhidmatan awam negeri dan perkhidmatan pendidikan. Menurut Zaimah R, Samila MS, Azimah AM, Suhana Saad, Mohd Yusof Hussain, Lyndon N (2012), menjelaskan bahawa tahap kualiti hidup belia diukur berdasarkan kepada pendapatan bulanan, tahap pendidikan, pemilikan rumah dan pemilikan produk kewangan. Sementara, tahap kesejahteraan belia diukur berdasarkan persepsi belia ke atas kepuasan terhadap situasi kewangan semasa. Pemilikan produk kewangan terdiri daripada simpanan biasa, simpanan kecemasan, saham, insurans dan simpanan persaraan.

Literasi Kewangan: Pengukuran Kewangan

Literasi kewangan menggambarkan satu konstruk/konsep maka ia tidak boleh diukur secara langsung. Kajian Moore (2003) membahagikan literasi kewangan kepada 3 aspek iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan dan ketiga-tiga aspek ini saling berkait antara satu sama lain. Menurut Moore, sejauhmana seseorang itu memperlihatkan pengetahuan kewangan yang dimiliki, semakin tinggi pengalaman kewangan dan semakin menunjukkan sikap kewangan yang positif, maka fasa literasi kewangan mereka boleh diramalkan. Ini kerana pengalaman dan pengetahuan yang tinggi, seseorang itu menjadi lebih canggih dan cekap dalam urusan kewangan mereka. Manakala dalam kajian oleh Chen dan Volpe (1998) menerangkan literasi kewangan dibahagikan kepada pengetahuan umum, simpanan dan pinjaman, insurans, dan pelaburan. Pengantara literasi kewangan yang digunakan oleh Lusardi et al. (2009, 2011) dalam kajiannya hanya berkisarkan 3 elemen iaitu pengetahuan asas dalam konsep kewangan, kadar faedah, inflasi dan kepelbagaian risiko. Selain itu, pengkaji lain juga turut memakai nilai purata dalam kajian mereka dan pengukuran yang diguna pakai tersebut didapati dalam Hung, Parker & Yoong (2009). Kajian, oleh Rubayah Yakob, Hawati Janor dan Nur Ain Khamis (2015) memperlihatkan tentang skala pengukuran Skor Literasi Kewangan seperti Rajah 2.1

Rajah 2.1: Garisan Nombor bagi Skor Literasi Kewangan




Petunjuk nilai skor:

(0 < skor <_1) = lemah

(1 < skor <_2) = sederhana

(2 < skor <_3) = tinggi

Kerangka Konseptual Kajian



Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan bagi kajian ini adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Data diperolehi melalui soal selidik yang menggunakan skala Likert dan diproses secara deskriptif untuk menjawab persoalan dan objektif kajian. Sampel terdiri dari 160

pekerja sektor dari pelbagai peringkat kumpulan perkhidmatan iaitu Pengurusan dan Profesional serta Sumpulan Sokongan/Pelaksana. Responden dikhususkan kepada pekerja sektor awam yang berkhidmat di Lembah Kelang termasuk Putrajaya. Dalam kajian ini, borang soal selidik digunakan sebagai instrument untuk mengutip data laporan yang perlu diisi oleh responden kajian. Item soal selidik dirujuk dan diubahsuai daripada Mohd Fadzli dan Teo (2014). Borang soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian iaitu (a) demografi responden, (b) soalan mengenai pengetahuan pengurusan kewangan, (c) tingkah laku dan sikap kewangan, dan (d) pengalaman kewangan dari responden terhadap literasi kewangan. Aras persetujuan skala Likert yang digunakan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Item-item Skala Likert 5 mata – Pengetahuan, Tingkah Laku dan Keupayaan Kewangan serta Sikap dan Pengalaman Kewangan

Aras Persetujuan	Skala
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Neutral / Tidak pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Analisis Kajian

Teknik deskriptif digunakan dalam analisis data. Sebanyak 160 responden telah memberi maklum balas jawapan kepada soalan kaji selidik yang diedarkan melalui aplikasi *google form*. Data-data kajian yang dikumpul dianalisa secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan mean dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 25*”. Nilai kebolehppercayaan soal selidik ialah $\alpha = 0.878$.

Analisis keseluruhan adalah berkaitan dengan analisis ke atas ketiga-tiga objektif iaitu mengenalpasti sama ada faktor demografi responden seperti jantina, status perkahwinan dan tahap pendidikan akademik mempengaruhi tahap literasi kewangan dikalangan pekerja sektor awam.

Profil Responden

Jadual 4.1 menunjukkan responden perempuan mendominasi sebanyak (65%) manakala lelaki pula ialah sebanyak 35%, berumur lingkungan 35 – 44 tahun (43.1%), 45 tahun ke atas (28.7%), 25 – 34 tahun (26.9%) dan 24 tahun ke bawah sebanyak 1.3%. Dari segi status perkahwinan seramai 81.3% telah berkahwin manakala 15.6% adalah bujang dan lain-lain status adalah 3.1%. Rata-rata responden adalah berbangsa Melayu sebanyak 95.6%, India (3.1%) dan lain-lain (1.3%). Pendapatan isi rumah pula menunjukkan sebanyak 46.3% adalah berpendapatan melebihi RM5001 ke atas, RM4001 – RM5001 (19.4%), RM3001– RM4000 (16.9%) dan RM3000 kebawah adalah 17.5%. Tahap pendidikan responden menunjukkan majoriti 52.5% yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda, Diploma/STPM (26.9%), SPM (11.3%) dan Sarjana/PhD (9.4%).

Jadual 4.1: Ciri-Ciri Responden

Ciri-ciri Responden	Sub-profil	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	35
	Perempuan	65
Umur	24 tahun ke bawah	1.3
	25 – 34 tahun	26.9
	35 – 44 tahun	43.1
	45 tahun ke atas	28.7
Bangsa	Melayu	95.6
	Cina	0
	India	3.1
	Lain-lain	1.3
Status Perkahwinan	Bujang	15.6
	Berkahwin	81.3
	Lain-lain: Duda/Balu/Ibu Tunggal	3.1
Pendapatan Isi Rumah	<RM3000	17.5
	RM3001 - RM4000	16.9
	RM4001 - RM5000	19.4
	>RM5001	46.3
Tahap Pendidikan	SPM	11.3
	STPM or Diploma	26.9
	Ijazah Sarjana Muda	52.5
	Sarjana or PhD	9.4

Model Pengukuran

Jadual 4.2 menunjukkan keputusan kebolehpercayaan dan kesahan instrument. Terdapat 48 item dalam tiga pemboleh ubah bersandar: pengetahuan kewangan, tingkah laku dan keupayaan kewangan dan sikap dan pengalaman kewangan. Keputusan statistik seterusnya membuktikan instrument yang melepasi pelbagai ujian kebolehpercayaan dan kesahan. Menurut Sekaran (2003), ianya adalah langkah terbaik untuk memastikan kajian tersebut boleh dipercayai dan boleh digunakan oleh kajian-kajian yang akan datang.

Jadual 4.2: Ujian Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Bilangan Item	Cronbach's Alpha
Pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan	48	.878

Analisis kebolehpercayaan adalah ujian yang biasa digunakan untuk mengukur ketekalan dalam soal selidik. Menurut Nunally (1978), beliau mencadangkan Cronbach's Alpha minimum 0.6 adalah mencukupi untuk penyelidikan dan ianya disokong oleh Hair, Black, Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Babin, Anderson dan Tatham (2006). Dalam kajian ini mendapati bahawa ketiga-tiga pembolehubah bersandar memperoleh nilai 0.878. Ini menunjukkan instrument kajian ini adalah baik dan sah digunakan.

Jadual 4.3 menggambarkan hubungan kolerasi Pearson dan hasil statistik deskriptif menggambarkan faktor-faktor demografi seperti jantina, status perkahwinan dan tahap pendidikan adalah signifikan dengan literasi kewangan. Berdasarkan analisis data seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3: Statistik Deskriptif dan Analisis Kolerasi Pearson, dapat ditafsirkan bahawa tahap literasi kewangan dipengaruhi oleh faktor demografi seperti jantina, status perkahwinan dan tahap pendidikan signifikan dengan literasi kewangan. Hal ini yang demikian, pekerja sektor awam telah didedahkan dengan latihan/kursus dan pusingan kerja secara bergilir-gilir dalam organisasi minimum setiap lima tahun. Rentetan dari itu, pengalaman mereka bertugas dalam sektor yang berlainan dapat membantu mereka memahami pengurusan kewangan yang lebih teratur. Hasil kajian ini adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.3: Statistik Deskriptif Dan Analisis Kolerasi Pearson

Pemboleh ubah	Mean	Sisihan Piawai	Jantina	Status Perkahwinan	Pendidikan	TPK	TLK	SPK
Jantina	1.6500	0.47847	1	0.032	0.026	0.141	0.022	0.111
Status Perkahwinan	1.8750	0.41588	0.032	1	0.149	0.059	-0.71	-.014
Pendidikan	2.6000	0.81031	0.026	0.149	1	-0.06	-0.32	-.043
TPK	4.4438	.73328	0.141	0.059	-.006	1	0.305**	.162*
TLK	3.0125	1.01552	0.022	-.071	-.032	0.305**	1	.180*
SPK	3.3000	1.0449	0.111	-.014	-.043	0.162*	0.180*	1

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

* . Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Jadual 4.3 adalah Jadual Regrasi Berbilang Pembolehubah. Ia adalah bagi menentukan pengaruh tahap pendidikan, jantina dan status pekerja sektor awam. Berdasarkan nilai R² terselaras (Adjusted R Square) di dapati bahawa hanya 0.004% daripada variasi nilai-nilai di dalam pembolehubah bersandar dapat diterangkan oleh pembolehubah tidak bersandar. Nilai ini sangat rendah dan ini memberi maksud bahawa ada pembolehubah tidak bersandar yang lain tidak dimasukkan dalam model. Nilai F (1.232) pada jadual 4.5: Anova adalah signifikan dan ini menjelaskan bahawa pembolehubah bersandar tersebut mempengaruhi literasi kewangan pekerja sektor awam.

Jadual 4.4: Jadual Model Summary (Adjusted R Square)

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.152 ^a	.023	.004	.73168

a. Predictors: (Constant), Pendidikan, Jantina, Status

Jadual 4.5: Annova

ANOVA ^a						
Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.	Model
1	Regression	1.979	3	.660	1.232	.300 ^b
	Residual	83.515	156	.535		
	Total	85.494	159			

a. Dependent Variable: TPK1
 b. Predictors: (Constant), Pendidikan, Jantina, Status

Dapatan Kajian

Pengetahuan Kewangan - Jantina

Kajian-kajian lepas telah menemui tahap literasi kewangan boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Dari segi faktor demografi, kajian oleh Chen dan Volpe (1998), Danes dan Harbeman (2007) mengesahkan bahawa literasi kewangan dalam kalangan lelaki lebih baik berbanding wanita. Ini sejajar dengan kajian Lusardi (2009) yang membuktikan bahawa warga tua dan wanita mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah dan membimbangkan, terutama dari segi pengurusan hutang. Keputusan yang berbeza ditunjukkan oleh Mohamad Fazli dan Teo (2014) yang mana tahap literasi kewangan dalam kalangan wanita bekerja di sektor awam adalah sederhana secara puratanya. Walau bagaimanapun, Dahlia, Rabitah & Zuraidah (2009) mendedahkan bahawa literasi kewangan dalam kalangan lelaki dan wanita adalah sama.

Dalam kajian oleh Bannier, C. E., & Schwarz, M. (2018) menunjukkan bahawa celik kewangan sememangnya memberi pengaruh positif terhadap kekayaan sepertimana yang digariskan dalam oleh kajian Maarten Van Rooij et al. (2012) mendapati bahawa kesan positif peningkatan celik kewangan adalah sama dengan tahap pendidikan untuk wanita, tetapi ia adalah kurang berbanding lelaki. Selain daripada itu, dalam kajian tersebut juga menyatakan bahawa tahap pengetahuan wanita yang berpendidikan tinggi dalam celik kewangan dapat memberi manfaat yang lebih tinggi berbanding lelaki. Walau bagaimanapun aspek keyakinan memaparkan kesan yang lebih kuat untuk lelaki berbanding wanita. Kajian tersebut juga mendapati bahawa pengetahuan kewangan hanya boleh diambil kira sekiranya kedua-dua faktor jantina dan tahap pendidikan diambil kira sekali dalam analisa.

Status Perkahwinan

Di samping itu, pendapatan keluarga iaitu dengan mengambilkira pendapatan isi rumah bagi yang berkahwin adalah signifikan terhadap pengetahuan kewangan. Keluarga yang

mempunyai jumlah pendapatan yang tinggi dan mempunyai latar pendidikan yang lebih baik cenderung untuk mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi (Anamaria Lusardi, Olivia S. Mitchel & Vilsa Curto. 2009). Ini adalah disebabkan mereka saling membantu dalam urusan kewangan harian dan ia juga merupakan satu kebaikan kepada keluarga.

Kenyataan ini turut disokong dalam kajian oleh Zaimah Ramli, Abd Hair Awang, Sarmila Md Sum, Jariah M, Sharifah Ah, Mumtazah Othman (2014) berpendapat peningkatan bilangan keluarga dwi-pendapatan di Malaysia ; Zaimah et al., 2013) dalam kajian ke atas kesejahteraan kewangan pekerja dalam keluarga dwi-pendapatan di sektor awam adalah signifikan untuk dilaksanakan. Menurut penyelidik tersebut, ianya adalah satu usaha penting untuk mengisi kelompangan pengetahuan dalam bidang ekonomi keluarga berkaitan kesejahteraan kewangan pekerja dalam keluarga dwi-pendapatan di Malaysia. Malah ianya selaras dengan misi nasional kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk dan mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Kajian oleh Zaimah Ramli, Abd Hair Awang, Sarmila Md Sum, Jariah M, Sharifah Ah, Mumtazah Othman (2014) turut bersetuju mengenai faktor pemilikan rumah dan mempunyai bilangan produk kewangan yang pelbagai juga signifikan untuk mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja dalam keluarga dwi-pendapatan di sektor awam.

Tahap Pendidikan

Menurut Rubayah Yakob, Hawati Janor dan Nur Ain Khamis (2015), latar belakang pendidikan juga mempunyai hubungan dengan literasi kewangan. Ini turut disokong oleh Bannier, C. E., & Schwarz, M. (2018). Kajian yang dijalankan didapati tahap pendidikan responden adalah signifikan dengan literasi kewangan. Hal ini yang demikian, sebagaimana yang telah dinyatakan pada awalnya, pekerja sektor awam telah didedahkan dengan latihan/kursus dan pusingan kerja dalam organisasi pada kadar minima setiap lima tahun. Rentetan dari itu, pengalaman mereka bertugas dalam sektor dan jabatan yang berlainan dapat membantu mereka memahami pengurusan kewangan yang lebih teratur. Peratus responden yang mengetahui kaedah yang betul untuk menguruskan kewangan adalah sebanyak 48.4% bersetuju dan 22.4% sangat bersetuju.

Laporan kajian oleh Zaimah Ramli, Abd Hair Awang, Sarmila Md Sum, Jariah M, Sharifah Ah, Mumtazah Othman (2014) turut menekankan mengenai pendidikan kewangan di peringkat pendidikan awal kanak-kanak yang mana ia perlu dititikberatkan. Pendidikan awal tentang pengetahuan asas kewangan dijangkakan dapat membentuk tingkahlaku kewangan positif agar dapat memangkin kepada pencapaian tahap kesejahteraan kewangan yang lebih baik. Di samping itu, pendidikan kewangan dan amalan-amalan kewangan yang sihat di tempat kerja juga harus dipraktis dan dibudayakan, terutamanya dalam mendidik dan menerapkan amalan membuat belanjawan bulanan agar perbelanjaan dapat diawasi.

Selain itu, jenis literasi kewangan juga berbeza-beza di mana kumpulan responden yang berpengetahuan dalam konsep asas dan sikap serta tingkah laku kewangan oleh individu itu sendiri. Literasi kewangan merupakan keupayaan individu dalam memahami dan menganalisa pemilihan kewangan, merancang masa hadapan serta melakukan tindakan mengikut pertimbangan apabila berhadapan dengan situasi yang berisiko kepada individu dan keluarga pada masa hadapan. Me.LiezelKotzè, Prof.A.v.A.Smit (2008) . Cabaran daripada aspek kewangan ini secara langsung telah menuntut mereka untuk meningkatkan literasi kewangan masing-masing. Pekerja tidak mampu menguruskan kewangan mereka dengan bijak jika

mereka tidak mempunyai pengetahuan kewangan yang mencukupi (Laporan Buletin Ringgit, 2011).

Bagi aspek rancangan persaraan, Mohd Fadzli dan Teo (2014) mendapati bahawa literasi kewangan dapat membantu persediaan pasaran yang lebih yakin terutama dalam kalangan wanita bekerja. Hasil kajian oleh Marcolin dan Abraham (2006) yang menyatakan bahawa literasi kewangan sangat penting untuk mengelakkan dan menyelesaikan masalah kewangan yang timbul bagi mendapatkan kehidupan yang aman, makmur, bahagia dan harmoni. Masalah ketidaksejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja antaranya berpunca daripada ketidakstabilan pekerjaan, peningkatan kos hidup, bebanan hutang, kurang pengetahuan kewangan dan tingkahlaku kewangan yang lemah. Ianya memberi banyak kesan negatif dalam kehidupan seharian pekerja, seperti produktiviti kerja menurun, hubungan kekeluargaan terganggu, menjejaskan kesihatan diri Jinhee Kim, E Thomas Garman (2004)

Dalam kajian ini tidak dimasukkan faktor umur dan pendapatan dalam mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan. Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Zaimah Ramli, Abd Hair Awang, Sarmila Md Sum, Jariah M, Sharifah Ah, Mumtazah Othman (2014) yang mana dalam kajiannya turut menyatakan kesejahteraan kewangan seseorang pekerja akan meningkat apabila ia semakin berusia dan apabila ia mempunyai pendapatan tinggi. Oleh itu, cadangan untuk mengambil kira faktor umur dan pendapatan dalam kajian akan datang.

Implikasi Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan tahap literasi kewangan di kalangan pekerja sektor awam berada pada tahap tinggi. Aspek literasi kewangan iaitu pengetahuan dan pengalaman kewangan adalah agak baik secara puratanya. Pekerja sektor awam sedar akan kepentingan pengurusan kewangan yang lebih mahir dan teratur. Mereka juga mampu mengawal aliran perbelanjaan kewangan dengan terdapatnya beberapa sokongan alternatif dalam urusan harian kewangan termasuk kerja lebih masa, kerja sampingan seperti perniagaan, koperasi juga institusi kewangan. Selain, itu mereka juga diberi pendedahan dalam pengurusan kewangan peribadi yang mana ia merupakan satu kursus / latihan untuk tahu celik kewangan. Namun begitu, tingkah laku serta sikap kewangan para responden masih berada pada tahap sederhana kerana corak perbelanjaan yang dilakukan individu kadangkala agak sukar untuk dikawal lebih-lebih lagi peluang yang ditawarkan oleh penjual untuk pemilihan produk di pasaran adalah seperti cendawan tumbuh. Rata-ratanya gemar untuk berbelanja melalui pembelian atas talian. Keyakinan ke atas kewangan peribadi juga akan lebih tinggi sekiranya individu mempunyai kombinasi pelbagai pemilikan produk kewangan, seperti simpanan biasa, simpanan kecemasan, simpanan persaraan, perlindungan insurans, saham amanah dan pelaburan. Pemilikan yang dimaksudkan di sini, tidak hanya sekadar memiliki tanpa mengimbangi 'nilai' yang sepatutnya untuk setiap produk tersebut. Misalnya individu memiliki pelbagai jenis akaun simpanan, tetapi hanya pada nilai minimum untuk setiap satunya maka ia sukar untuk mencapai tahap kesejahteraan kewangan yang lebih baik. Selain itu, tingkahlaku kewangan yang positif seperti amalan berjimat-cermat dan membuat perancangan untuk pembelian barang yang lebih besar harganya adalah sesuatu yang dapat meningkatkan motivasi dalam kehidupan. Dalam usaha memenuhi keperluan asas kewangan (perbelanjaan), seharusnya diiringi dengan keperluan untuk membuat simpanan, perlindungan dan pelaburan. Dalam hal ini, seseorang pekerja yang memiliki pengetahuan asas kewangan akan lebih mudah mencapai matlamat keutuhan dan keteguhan kesejahteraan kewangan dalam hidup. Ini berbeza pula dengan pendapat dan kajian yang dijalankan oleh Zaimah Ramli, Abd Hair Awang,

Sarmila Md Sum, Jariah M, Sharifah Ah, Mumtazah Othman (2014) menyatakan bahawa dalam kajian mereka tidak dapat membuktikan hubungan pengetahuan kewangan dengan tingkahlaku kewangan walaupun tingkahlaku kewangan mempunyai hubungan dan pengaruh langsung ke atas kesejahteraan kewangan pekerja dalam keluarga dwi-pendapatan di sektor awam. Menurut dapatan beliau lagi, mengesahkan bahawa mempunyai pengetahuan kewangan semata-mata, tidak semestinya menjamin kesejahteraan kewangan tanpa diiringi dengan tingkahlaku kewangan yang positif dalam kata lain, 'ilmu tanpa amal' tidak akan membuahkan hasil yang baik.

Rujukan

- Annamaria Lusardi, Olivia S. Mitchell. Vilsa Curto (2010, 2011) *Financial Literacy among the Young: Evidence and Implications for Consumer Policy*
https://www.dartmouth.edu/~alusardi/Papers/Financial_literacy_young.pdf
- Bannier, C. E., & Schwarz, M. 2018. Gender- and education-related effects of financial literacy and confidence on financial wealth. *Journal of Economic Psychology*, 67, 66–86.
- Chen, H. & Volpe, R. P. 2002. *Gender differences in personal financial literacy among college students*. *Financial services review* 11 (2002) 289-307
- Dahlia Ibrahim, Rabitah Harun, Zuraidah Mohamed Isa.2009. *A Study on Financial Literacy of Malaysian Degree Students*. *Cross-cultural Communication* ISSN 1712-8358 Vol.5 No.4
- Hair, Black, Babin, Anderson dan Tatham 2006. *Multivariate Data Analysis*, 7th Edition Pearson
- Hung, Parker & Yoong (2009) *Defining and Measuring Financial Literacy*. Electronic copy <http://ssrn.com/abstract=1498674>
- Huriyatul Akmal, Yogi Eka Saputra. 2016. *Analisis Tingkat Literasi Keuangan JEBI (Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam)*-Volume 1, Nomor 2, Juli-Desember 2016.
- Hussin bin Salamon, Nik Nurul Amni binti Nik Lee. 2012. *Kompetensi Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa: Tinjauan Terhadap Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan)*, UTM, Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jinhee Kim, E Thomas Garman 2004 *Financial Stress, Pay Satisfaction and Workplace Performance*. https://www.researchgate.net/journal/0886-3687_Compensation_Benefits_Review
- Maarten C.J. van Rooij, Annamaria Lusardi, Rob J.M. Alessie 2012 *Financial Literacy, Retirement Planning and Household Wealth**
- Marcolin, S. & Abraham, A. 2006. *Financial literacy research: Current literature and future opportunities*. *International Conference of Contemporary Business*.
- Me.LiezelKotzè, Prof.A.v.A.Smit. 2008. *Personal financial literacy and personal debt management: The potential relationship with new venture creation*. *SAJESBMNS* Volume1(2008) Issue 1
- Mohamad Fazli Sabri, Teo Tze Juen (2014) *The influence of Financial Literacy, Saving Behaviour and Financial Management on Retirement Confidence among Women Working in the Malaysian Public Sector*. *Asian Social Science* 10 (14), 40-51.
- Moore 2003, *Survey on Financial Literacy in Washington State: Knowledge, Behavior, Attitudes and Experiences*. SESRC Technical Report.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Rubayah Yaakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis. 2015. *Tahap Literasi Kewangan Dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia*. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1) (2015): 75 – 88.

- Sharon M. Danes and Heather R. Haberman. 2007. Teen Financial Knowledge, Self-Efficacy, and Behavior: A Gendered View *Journal of Financial Counseling and Planning* · January 2007.
- Vitt, L. a., Kent, J., Lyter, D. M., Siegenthaler, J. K., & Ward, J. (2000). *Personal Finance and the Rush To Competence: Financial Literacy Education in the U.S* *Personal Finance*, 1–234
- Yasmin Huzaimah binti Aladdin, Anuar Ahmad. 2017. *Tahap Literasi Kewangan di Kalangan Mahasiswa*. International Conference on Global Education V.
- Zaimah R1, Sarmila MS1, Azima AM1, Suhana Saad1, Mohd Yusof Hussain1, Lyndon N. 2012. *Kualiti hidup dan kesejahteraan belia: Kajian ke atas pekerja sektor awam Malaysia*. *Malaysia Journal of Society and Space*. 8 issue 6 (150 - 156).
- Zaimah Ramli, Abd Hair Awang, Sarmila Md Sum, Jariah M, Sharifah Ah, Mumtazah Othman. 2014. *Faktor-faktor penentu Kesejahteraan Kewangan Pekerja Sektor Awam Berkahwin di Malaysia*. *Prosiding Perkem Ke-9 (2014)* 804 - 812 ISSN: 2231-962X
- Zulnaidi Yaacob, Z. 2010. *Teknik Urus Wang Individu Berkesan*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd Publication.